

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**TARIKH : 17.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah dirangka bagi mencapai akses aspirasi meningkatkan tempat pengajian baharu menjelang 2025 bagi mencapai sasaran 1.1 juta enrolmen pengajian tinggi berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah merangka strategi dengan meletakkan sasaran untuk meluaskan enrolmen pendidikan tinggi. Bentuk sebenar peluasan dari segi bilangan tempat pengajian dan profil program akan ditentukan secara kerjasama yang erat dengan industri untuk memastikan penawaran adalah sepadan dengan permintaan.

Bagi membangunkan satu daripada kumpulan warga kerja terpelajar dan mahir di rantau ini, Malaysia perlu meningkatkan kadar enrolmen pendidikan tinggi daripada 48 peratus pada 2012 kepada 70 peratus menjelang 2025. Demikian juga, kadar enrolmen pendidikan tertiar perlu meningkat daripada 36 peratus pada 2012 kepada 53 peratus menjelang 2025.

Senario ini melibatkan penambahan 1,100,000 tempat baharu, iaitu hampir dua kali peningkatan yang berbanding 10 tahun lalu, dan akan meletakkan Malaysia setanding dengan kadar enrolmen tertinggi masa ini dalam kalangan negara ASEAN.

Berdasarkan struktur warga kerja Malaysia, sebahagian besar penambahan tempat menurut senario ini disumbangkan oleh program TVET. IPT swasta dan model pembelajaran dalam talian yang baharu juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam penambahan tempat untuk ijazah sarjana muda. Universiti awam pula akan memfokuskan usaha kepada peningkatan enrolmen pascasiswazah. Peningkatan enrolmen untuk program Sarjana dan Ph.D daripada empat (4) peratus pada tahun 2012 kepada lapan (8) peratus menjelang 2025, dengan tambahan 170,000 tempat baharu, pada hakikatnya akan melonjakkan kadar enrolmen pascasiswazah di Malaysia setaraf dengan kadar enrolmen tertinggi pada masa ini dalam kalangan negara ASEAN.

RJM114